

PENDEKATAN TARI KREATIF DI SEKOLAH: SUATU TINJAUAN PROSES PEMBELAJARAN TARI SEBAGAI PEMERKARSA PEMANTAPAN JATI DIRI PELAJAR

Muhammad Fazli Taib Bin Saearani

Sultan Idris Education University,
Faculty Music & Performing Arts, Malaysia

Abstract

Creative dance approach for student who are involved in the creative dance activities can give the appearance of happiness besides the unique potential of most creative dance while enhance their self-esteem. This writing proposed creative dance activity should be develop in our education system in both the academic module and co-curriculum activities to generate creative minds, colourful imagination and induce students dynamic intellectual capabilities.

Key words : *teaching creative dance, curriculum, self-esteem*

Pengantar

Jati diri menguraikan sifat pemilikan, mengandung ciri-ciri unik dan istimewa pada individu (mencakup adat, bahasa, budaya, agama dan sebagainya). Ciri-ciri ini menjadi teras terhadap perlambangan keperibadian seseorang individu. Lambang keperibadian diibaratkan sebagai penampilan identitas yang menjadi bentuk sahiah rupa diri perkembangan seseorang manusia. Bentuk penampilan menghubungkan martabat seorang manusia mewakili nilai-nilai perkembangan peribadi untuk pengukuhan diri. Nilai-nilai ini membangkitkan semangat penyatuan berlandaskan kecintaan pada diri dan kesetiaan pada negara. Hal ini terkait rapat dengan pembinaan identitas bangsa berlandaskan kepada se-mangat patriotik yang utuh. Pengisian program kebudayaan yang mencakup pembangunan jati diri menjadi begitu penting bagi mem-bentuk sahiah belia pada masa kini.

Berbicara mengenai jati diri, ia mencakup martabat manusia sebagai manusia yang utuh serta mempunyai pengertian cara hidup tersendiri (Hume, 1975:18). Kesatuan

terhadap kehidupan tersendiri menjadi suatu tanggungjawab menjadi individu yang mempunyai potensi diri untuk maju ke hadapan. Ia menjadi kuasa mutlak sehingga menampilkan manusia yang mempunyai kriteria kuasa individu yang unik. Hal ini menjadi laluan terhadap membentuk identitas diri dari aspek cara berfikir, cara merasai, sikap, perkembangan dalam pergaulan, peranan yang dimainkan dan lingkungan sosialnya yang tersendiri (Dewey, 1962:20). Perkembangannya menjadi nadi terhadap perhubungan di antara mekanisme tubuh dan jiwa, yang masing-masing dibina dalam suatu kesatuan identitas diri yang teguh.

Jati diri mempunyai kaitan dengan sifat dan jiwa manusia yang terpengaruh dalam sebuah identitas. Merujuk kepada perbincangan yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh falsafah, membicarakan pengertian tentang identitas individu yang mencakup aspek martabat seseorang manusia. Gambaran martabat yang diletakkan oleh tokoh-tokoh ini lebih menjurus kepada pengolahan menempatkan kemampuan berfikir seseorang individu menentukan hala tuju jati diri yang ingin dibangunkan. Integrasi terhadap pembangunan jati diri bersangkutan

dengan cara bagaimana individu menghayati hidupnya bagi membentuk pencapaian manusia yang beridentitas (Hume, 1975:25).

Menurut Plato, martabat manusia dimiliki secara peribadi tidak terbatas terhadap kesatuan jiwa (Hardono, 1966:25). Pendapat Plato mengaitkan perhubungan di antara manusia yang rupa fizikalnya mempunyai anggota badan tetapi diangkat dengan kesempurnaan santapan jiwa. Menurut Plato jiwa bersatu dengan tubuh badan menjadi pemusatan terpisah dalam ciri individu yang mempunyai suatu rangsangan rasa bagi merasai kenikmatan hidup (Hardono, 1966:27).

Thomas telah memberikan pendapat beliau di mana sifat manusia mengandung bagian yang terdiri daripada perhubungan badan dan jiwa. Ia merupakan sebuah kesatuan yang utuh terhadap rangsangan tubuh badan. Aspek ini mencakup bagian jiwa bersatu dengan tubuh badan menjadikan teras terhadap pembinaan jati diri secara peribadi (Hardono, 1966:28). Sehubungan itu, berdasarkan pendapat kedua-dua tokoh falsafah ini, dapat difahami oleh penulis bagaimana pembinaan jati diri berhubungan dengan tubuh, jiwa dan sifat peribadi manusia dapat diaplikasikan menggunakan tari kreatif untuk pembangunan kurikulum pelajar di sekolah.

Konsep Jati Diri dan Pengajaran Tari Kreatif

Konsep jati diri secara umumnya menjurus kepada kesatuan manusia dan jiwa yang berperanan mewujudkan identitas diri. Pengukuhan identitas diri berfungsi untuk merealisasikan perkembangan diri bagi memartabatkan kesatuan jiwa manusia yang utuh. Kewujudan ini menjadi unsur penting pemangkin terhadap membina perkembangan diri manusia mengikut cita-cita yang hendak dibangunkan. Hal tersebut melihat sejauh mana landasan yang bersesuaian bagi membina martabat individu untuk berinteraksi pada sekitarnya. Kemampuan diri menjadi nadi mewujudkan kehendak bagi membina keperibadian yang sempurna. Arah terhadap mencapai identitas diri yang sempurna apabila pengalaman dan pengamatan dapat dirasai bagi memberikan kematangan pada diri individu itu sendiri.

Keragaman ruang untuk digunakan bagi mengangkat pembinaan jati diri individu merupakan pertunjuk elemen-elemen yang boleh memberikan kematangan untuk berfikir dan bertindak. Elemen-elemen ini mengandung bentuk-bentuk seperti pengalaman, pembacaan, pengamatan, pendengaran dan peninjauan adalah tertakluk pada cara bagaimana individu mengesan bakat yang hadir untuk ditampilkan. Gaya pemikiran dengan penampilan identitas diri untuk menjadi seorang insan yang mempunyai martabat tinggi merupakan corak berfikir ke arah membina rupa diri yang teguh. Hal ini terkait rapat dengan kemahiran yang diperlihatkan oleh individu itu dengan bakat yang besar untuk diteroka mengikut kemampuan mereka.

Sekiranya bakat itu tidak diasah, diasuh dan dibentuk maka peningkatan kemahiran akan terbengkalai begitu sahaja tanpa ada bantuan penerokaan mahupun pendedahan dalam diri mereka. Hal ini merujuk kepada keupayaan memperlihatkan bakat yang hadir dalam diri sebagai pembangunan identitas diri yang diingini secara positif. Perlambangan identitas diri bukan sahaja memperlihatkan keupayaan bakat semata-mata, ia dipengaruhi dengan pembentukan personaliti di mana seseorang individu mempunyai kelainan yang mempunyai perbezaan di antara satu sama lain. Kelainan ini ditakrifkan sebagai sesuatu yang unik dikenal pasti memberikan ciri-ciri individu yang unik, berdisiplin dan kreatif.

Dasar yang terkait rapat dengan pembangunan mahupun pemantapan jati diri melalui pengalaman dan pengaplikasian melambangkan pembentukan identitas diri ke arah merasai pengalaman baru. Proses-proses ini merencanakan aktivitas pemikiran melibatkan hasil penerokaan pencarian ilmu pengetahuan bagi melahirkan individu yang cemerlang. Oleh itu, terdapat alternatif yang boleh diguna pakai dengan mengetengahkan medium pengajaran tari kreatif sebagai penggerak melahirkan seorang individu yang mempunyai jati diri yang utuh.

Secara positif, apabila dibincangkan mengenai pengajaran tari kreatif ia melibatkan proses untuk membina identitas pelajar yang kreatif dan unik. Sememangnya bukan perkara yang mudah untuk membina sahsiah seorang

pelajar secara langsung kerana tidak semua pelajar mempunyai minat yang sama. Masing-masing mempunyai keinginan tersendiri dengan memilih ruang-ruang yang pelbagai untuk mengatur identitas mereka. Lumrah kehidupan bagi seorang pelajar adalah ingin mencuba, merasai dan menikmati cabaran yang difikirkan boleh memberikan kepuasan kepada mereka untuk ekspresi. Kesemuanya memberikan tamparan yang hebat kepada pendidik untuk membangunkan suasana pengajaran yang mempunyai kaedah pelbagai supaya pembentukan personaliti pelajar yang baik dapat dibina.

Aplikasi melibatkan keupayaan minda untuk keluar dari kongkongan kebiasaan merupakan matlamat pengajaran tari kreatif. Pemantapan identitas diri bagi membentuk seseorang pelajar menjadi seorang yang dinamik merupakan alternatif mengeluarkan pelajar yang bermutu dari aspek keintelektualan. Tinjauan terhadap dasar-dasar aktivitas tari kreatif melibatkan proses kemahiran reka cipta, keupayaan dan pembentukan hasil dari proses implementasi membolehkan pembinaan identitas diri dilaksanakan mengikut tahap-tahap tertentu.

Melalui falsafah yang telah dikemukakan oleh Laban struktur pembinaan gerak dasar dengan bentuk-bentuk pengalaman yang hadir (Laban, 1975:5). Pengalaman ini dikira sebagai bentuk-bentuk rasa yang dapat diinterpretasikan dengan idea unik individu membina gerak. Bentuk-bentuk ini melibatkan kawalan fizikal, mental dan emosi yang menjana imaginasi untuk dipersembahkan hasil yang kreatif. Tokoh-tokoh tari kreatif di barat menyifatkan tari kreatif boleh membantu mengekalkan prinsip keyakinan dalam diri.

Broer menyatakan bahawa gerak kreatif mempunyai fungsi untuk membina gaya ekspresif bagi kepentingan semua golongan (Broer, 1964:50). Ia memberikan tingkat kecergasan yang tinggi dari aspek keyakinan diri yang menjadi tunjang terhadap proses kematangan berfikir. Di peringkat sekolah, menyediakan ruang bagi pelajar untuk membina kesedaran diri dengan rakan-rakan adalah bentuk perhubungan yang baik supaya pelajar merasai kesedaran sosial. Situasi persekitaran di sekolah perlu menempatkan prasyarat untuk

mempelajari hubungan antara fizikal dan mental bagi menguasai interaksi aktif untuk disertai pada aktivitas pembelajaran (Julius, 1978:65).

Proses tersebut memberi penekanan terhadap perkembangan interaksi komunikasi daya fikir seseorang pelajar diaplikasikan melalui tari kreatif (Joyce, 1973:15). Fleming turut menyokong tari kreatif menjadi rangka kerja untuk pelajar bagi mengembangkan pemahaman berekspresi dan berinteraksi (Fleming, 1976:25). Ini adalah bagi mewujudkan ekspresi perasaan dalaman untuk memenuhi tuntutan kegiatan aktivitas di sekolah yang menjadi medium melepaskan tekanan. Berinteraksi menggunakan ekspresi kreatif menemukan perkembangan idea-idea berfikir bagi membentuk imaginasi fikiran. Garapan gerak pada aktivitas yang dilakukan berperanan bagi memenuhi nilai-nilai pemantapan gaya fikir yang unik.

Exiner melihat nilai-nilai dalam menjayakan aktivitas tari kreatif adalah mencari kombinasi gerak yang bersifat peribadi dengan mengekspresikan idea individu (Exiner, 1974: 23). Gerak menjadi bentuk utama ekspresi dengan gaya-gaya pembinaan yang tersendiri. Pembinaan ini menjadi nadi bagi mengembangkan potensi pelajar untuk beraksi dengan variasi gerak yang beraneka ragam. Pelajar-pelajar banyak menemui cara-cara untuk melepaskan perasaan. Apabila kewujudan negatif melibatkan emosi dan perasaan itu wujud, menjadikan naluri mereka lemah untuk menghadapinya. Tekanan perasaan ini menyebabkan perlunya landasan membina keutuhan internalisasi menggunakan fizikal bagi memperkukuhkan emosi diri. Untuk meningkatkan rangsangan sensitiviti pada aktivitas di sekolah, penyediaan ruang untuk apresiasi, estetika dan pemantapan emosi adalah penemuan terbaik untuk melepaskan perasaan sebagai nilai utama eksplorasi tari kreatif itu berlangsung.

Konsep pengajaran tari kreatif adalah dengan membina identitas peribadi dipertingkatkan dengan penggunaan tubuh sebagai medium membentuk keyakinan diri (Kaufman, 2006:45). Prinsip-prinsip pembelajaran tari kreatif menemukan gaya persepsi dengan reka bentuk yang diterapkan menggunakan elemen kecerdasan sebagai

penguasaan membina gerak (McCall, 2000:30). Hal ini dikenal pasti bagi mengurangkan daya tekanan dengan proses merealisasikan kepuasan membina gerak untuk cergas dan sihat. Sumber-sumber ini menjadi keperluan penting bagi meneroka, mencipta dan mengembangkan idea kreatif dengan peningkatan sensitivitas estetika terhadap rangsangan gerak untuk berkomunikasi menggunakan tubuh badan.

Pembinaan gerak menggabungkan unsur perlepasan perasaan merupakan proses berinteraksi, yakni penerimaan maklum balas membolehkan pelajar membina keyakinan diri untuk berkomunikasi di khalayak (Haberman & Misel, 1970:55). Pendekatan tersebut merupakan sumber berkongsi masalah atau kerumitan yang hadir dalam diri bersama rakan-rakan di sekeliling, hal ini dapat membantu menyelesaikan masalah tersebut. Ia merujuk bagaimana pelajar-pelajar menerima aktivitas seumpama ini untuk disertai bersama, bagi menikmati suasana pembelajaran gerak yang berfungsi meningkatkan kecerdasan emosi.

Proses-proses pembinaan gerak kreatif yang memberi penekanan terhadap penciptaan gerak tidak tercapai sekiranya hanya menghasilkan gerak itu semata-mata tanpa dirasai dan dihayati (Fleming, 1976:16). Gerak yang dibina perlu mencapai faktor dengan mengintegrasikan bentuk perasaan sebagai sensitivitas rasa pelajar-pelajar itu untuk dibangunkan. Arah-an-arah yang perlu didengari, dilihat, diamati dan dirasai merupakan teras gerak kreatif itu bermula (Julius, 1978:60). Exiner menyatakan bahawa keajaiban gerak kreatif khususnya dari pengalaman ritma yang berubah-ubah, menjadikan ia proses membangkitkan ruang emosi dalaman (Exiner, 1974:55). Penglibatan ini merupakan medium dalam membangunkan naluri manusia dengan penggunaan fizikal yang diaplikasikan sebagai tindak balas untuk dibebaskan.

Pembinaan gerak melibatkan respons fizikal merupakan gagasan penting dalam menjalani aktivitas tari kreatif. Selain meningkatkan kecergasan, dapat memberikan kesempurnaan bagi penyediaan pemantapan fizikal dan mental. Prinsip-prinsip yang dasar pengajaran tari kreatif melibatkan fizikal mencakup beberapa aspek seperti: (1)

Kesedaran tubuh- cara bagaimana bagian tubuh dapat dikawal, dipindahkan dan diseimbangkan, (2) Keluasan gerak- bagaimana tubuh bergerak dengan penyesuaian faktor-faktor seperti: Daya, tekanan dan aliran; (3) Kesedaran ruang- merujuk kepada bilangan, bentuk (secara umum atau peribadi) serta pemahaman dari arah di mana pusat pergerakan tari itu dibina dan (4) Hubungan-individu atau kumpulan bergerak mengikut tema dan objek tertentu.

Kollen menyatakan bahawa usaha-usaha untuk mempelajari pengalaman membina gerak mencakup kesepaduan yang dilakukan mengikut kemahiran dan penguasaan objek untuk dipersembahkan (Kollen, 1981:27). Ia menyifatkan bidang pengajaran tari kreatif mempunyai kaitan membina pengalaman gerak bagi mengintegrasikan tubuh dan fikiran, supaya menjadi sesuatu yang lebih bermakna dalam diri. Melalui kajian beliau, apabila pengalaman itu disatukan dengan motif-motif idea kreatif yang bermakna, akan memperlihatkan kemampuan pelajar untuk berinteraksi secara positif. Pelajar akan dapat menguasai keperluan diri untuk berinteraksi dengan gaya-gaya tersendiri yang difikirkan boleh menarik perhatian sesiapa yang melihat.

Fenomena ini merupakan pengukuhan terhadap pembinaan potensi diri menjadi seorang yang lebih berani mengemukakan idea-idea yang bernas. Konsep yang diketengahkan lebih menjurus kepada memberi pemahaman supaya pelajar menghargai dan mengembangkan bakat yang hadir agar menjadi seorang pelajar yang berkeyakinan. Pengalaman pembinaan yang melibatkan keyakinan diri adalah memberikan fokus terhadap pimpinan pelajar mengerakkan fikiran untuk bertindak dengan lebih aktif serta mengemukakan idealisasi yang penuh dengan kesungguhan.

Kaufman menyatakan pembinaan keyakinan diri melalui aktivitas tari kreatif adalah terkait rapat dengan sifat peribadi (Kaufman, 2006:34). Beliau menyifatkan ruang untuk mencapai keyakinan diri adalah hak secara peribadi untuk ditakluki. Seorang pelajar misalnya mempunyai hak untuk menjadi pelajar yang baik atau sebaliknya. Hak-hak negatif yang ada dalam diri pelajar sekiranya dibina

dengan rangkaian kesedaran pembinaan sahsiah rupa diri, akan memberikan kebebasan untuk mereka bersuara. Hal ini, memberikan kesan positif pada pemilikan peribadi mereka. Kesemuanya merupakan pengalaman bagi membangkitkan emosi pelajar yang secara tidak langsung mendekatkan mereka kepada pemantapan sifat peribadi yang terbaik.

Usaha untuk memahami sifat pelajar secara peribadi bukan suatu perkara yang mudah. Namun, memberikan pengalaman kepada mereka tentang ekspresi gerak, pendekatan imaginasi kreatif dan nilai-nilai pembinaan gerak kreatif berkemungkinan memberikan kesan positif pada pembangunan identitas pelajar. Pendedahan menggunakan fizikal adalah mempunyai kaitan terhadap kesedaran tubuh, pertumbuhan fizikal, dan penampilan fizikal. Keupayaan ini memberikan tindak balas yang baik pada mekanisme tubuh badan bagi membina rupa diri yang kukuh dengan keterampilan gaya pelajar yang kemas dan beridentitas.

Pemantapan jati diri dalam usaha menyediakan aktivitas tari kreatif tidak kira di tadika, sekolah rendah, menengah mahupun di peringkat universiti, merupakan rangka pertumbuhan yang menyokong kematangan fikiran golongan pelajar (Kaufman, 2006:45). Hal ini melibatkan pembentukan sahsiah diri yang bersangkutan dengan pembinaan sifat positif pelajar untuk menjadi seorang insan yang dinamik. Rangkaian aktivitas yang mengetengahkan elemen seperti ekspresi diri, untuk emosi dan jasmani dibina bagi mempertingkatkan potensi diri. Perkembangan potensi diri memberikan tarikan positif terhadap integrasi membina sikap-sikap yang dapat mencerminkan seorang pelajar yang mempunyai keunikan kemahiran untuk ditampilkan. Kemunculan potensi gerak kreatif yang unik dengan penuh keyakinan, merupakan sumber terhadap pembinaan komponen fizikal, afektif dan intelektual yang menjadi pemangkin terhadap pembinaan jati diri dalam kalangan pelajar.

Ekspresi dalam Tari Kreatif Untuk Pemantapan Jati Diri Pelajar

Ekspresi menguraikan kemunculan menampilkan gerak-geri ataupun simbol menggunakan fizikal mahupun ungkapan perasaan dalaman untuk dilakukan. Melalui aktivitas tari kreatif, ekspresi melambangkan bentuk-bentuk gerak yang unik dicipta mengikut daya kreatif dengan aksi yang beraneka ragam. Tumpuannya untuk berkomunikasi melalui gerak selain memberikan interpretasi kebebasan pelepasan perasaan. Cohen menyatakan bahawa graviti persekitaran menjadi tarikan sebagai sumber penciptaan pembinaan gerak yang ekspresi (Cohen, 1966:13).

Pandangan beliau merujuk kepada pernyataan yang memberi perlambangan tubuh dan jiwa sebagai pertumbuhan harmoni menjanjikan tindak balas kesepaduan dalam mencorakkan gerak yang menarik. Cohen telah menggunakan analisis gerak dari tokoh tari Modern terkenal, Isadora Duncan (Cohen, 1966:33). Beliau mengembangkan sistem logik dari gerak yang ekspresif menggunakan sistem *gesture* (komunikasi gerak tubuh). Ia didasarkan pada tiga zon bagian ekspresi tubuh badan manusia:

Potensi Manusia	Zon Ekspresi	Bagian Tubuh
1) Mental	Kreativiti	Kepala dan leher
2) Emosi	Spiritual	Bagian dada, lengan, pinggang dan pinggul
3) Jasmani	Kinestetik	Bagian Kaki

Tabel 1. Zon Bagian Ekspresi Tubuh Badan

Ketiga-tiga bagian ini mempunyai butiran zon tertentu dengan klasifikasi melibatkan potensi yang menjadi teras pembinaan gerak yang ingin dicipta. Zon pada bagian pertama menggunakan elemen mental, emosi dan jasmani sebagai nadi peneguhan gerak itu bermula. Setiap peringkat mempunyai

tahap pencapaian yang berbeza ini dapat dilihat melalui zon pada bagian kedua melibatkan kreativiti, spiritual dan kinestetik. Manakala pengukuhan bagi zon pada bagian pertama dan kedua diperjelaskan melalui zon pada bagian ketiga yang melibatkan anggota tubuh badan selaku tumpuan aksi yang ingin diekspresikan.

Gerak manusia dapat diamati dengan pelbagai gaya dan rupa bentuk yang mempunyai simbol-simbol yang bermakna. Simbol-simbol gerak adalah menunjukkan sesuatu yang boleh mempamerkan apa yang terkandung pada motif gerak yang ingin dicipta. Gerak di ibarat sebagai proses pengembangan kebebasan pada bentuk-bentuk frasa yang harmoni mengikut latar penciptaan variasinya yang tersendiri (Exiner, 1974:18). Penekanan gerak-gerak yang menampilkan pose (berhenti seketika sambil beraksi) menunjukkan pelbagai aneka emosi yang ditampilkan, mengikut kehendak gaya individu itu sendiri membina gerak yang diingini.

Sensitivitas adalah proses memberikan kemunculan ruang ekspresif kepada pelajar dengan mengembangkan potensi diri melalui bentuk bunyi-bunyian. Pengembangan yang dinyatakan oleh Cohen, melibatkan suatu sistem latihan tubuh menggunakan gerak fizikal yang memberi manfaat untuk pelajar menikmati kesedaran ritma bagi meningkatkan kecergasan fikiran (Cohen, 1966:34). Kaedah ini mendedahkan kepada pelajar terhadap satu cara bagi mengembangkan proses berfikir dengan rangsangan irama dan bunyian. Tubuh menjadi tunjang berinteraksi terhadap respons muzik yang didengari. Respons muzik ini memberikan galakan penuh bagi pelajar bertindak balas terhadap kehendak gerak yang ingin dibina dengan kebebasan untuk berekspresi.

Oleh itu, dari sudut yang lain pula, ilmu tari menjadi suatu bidang saintifik yang bukan sahaja untuk aplikasi ekspresi gerak kreatif semata-mata. Turut juga diletakkan pada konsep mengetengahkan susunan peraturan cabang ilmuwan Sains. Pendekatan yang digunakan oleh Laban dengan menempatkan gerak sebagai sumber yang boleh diguna pakai dalam bidang tari, pengajaran fizikal dan terapi tari. Analisis Laban dengan kaedah sistematik dan hukum-hukum Fizik menetapkan gerak

terbahagi kepada dua kategori: Luaran atau gerakan *centrifugal* (yang berasal dari pusat tubuh dan memancar keluar dari tubuh badan) dan dalaman atau gerakan *peripheral* (bermula dengan kaki dan bergerak ke dalam) (Laban, 1975:25).

Analisis tersebut mencakup aspek intensiti, kelajuan dan arah terhadap kesedaran gerak yang menjadi dimensi rupa bentuk anatomi tubuh pada pembinaan landasan penciptaan gerak itu dibina (Kraus & Chapman, 1981:10). Laban mengembangkan dua sistem notasi: *Labanotation* (yang mencatat hasil visual gerak dalam ruangan dan boleh dianggap sebagai sistem kuantitatif) dan *Effort Notation* (yang merupakan sistem pencatatan kualitatif bagaimana suatu pergerakan terjadi) (Bartenieff, 1962:15). Analisis gerak yang dibina oleh Laban mempunyai tahap-tahap asas seperti ruang, masa, daya dan aliran melibatkan elemen-elemen seperti berikut:

Ruang	Langsung	-----	tidak langsung
Masa	Berterusan	-----	tiba-tiba
Daya	Ringan	-----	Kuat
Aliran	Bebas	-----	Terikat

Tabel 2 . Analisis Elemen Pergerakan

Terdapat fakta mekanikal berkenaan tubuh yang meliputi bagian yang boleh diangkat, dibawa atau dipindahkan melalui ruang tertentu (Laban, 1975:20). Hal ini merujuk kepada proses yang diperlukan dalam jumlah masa yang tertentu dengan pembinaan aliran gerak itu sendiri. Usaha-usaha bagi menghasilkan kualitas gerak secara sadar atau tidak sadar menjadi faktor-faktor kualitas penciptaan gerak itu terbina.

Pergerakan sebagai penghubung sokongan fikiran manusia. Hal ini merujuk kepada spiritual dan fizikal, menyifatkan bahawa gerak merupakan komponen menghubungkan manusia dengan persekitaran di sekelilingnya. Untuk itu, ia melibatkan proses-proses sensitivitas terhadap kesedaran kinestetik tubuh badan. Pergerakan merupakan manifestasi nyata dari aspek intelektual, emosi dan rohani manusia. Penyertaan kegiatan tari kreatif memberikan bentuk pengalaman individu untuk

merasai tindak balas tubuh dengan reaksi perasaan untuk disampaikan. Kesedaran melibatkan tari kreatif misalnya, harus mengarah kepada penghargaan terhadap pembinaan gerak secara persendirian dan bersama rakan-rakan di sekeliling. Ruang untuk melepaskan emosi dan perasaan merupakan keperluan penyembuhan untuk meredakan emosi diri. Pemprosesan merasai pengalaman gerak membawa ke tahap verbal yang dialami melalui ekspresi gerak adalah membuka laluan kebaikan terhadap pertumbuhan emosi dan jati diri.

Pemprosesan ini menunjukkan salah satu tujuan menempatkan tari kreatif sebagai perluasan bukan sahaja mengembangkan perbendaharaan pergerakan semata-mata. Ia mampu meningkatkan kemampuan diri, mengekspresikan hati, sikap dan ketenangan fikiran (Feder, 1981:34). Pengalaman bentuk-bentuk kegiatan seumpama ini menjadi perancangan penting untuk kegunaan terapi menghasilkan seseorang individu yang sihat fizikal dan mentalnya. Russell menyatakan bahawa pembangunan tari kreatif adalah sarana yang baik untuk berekspresi, komunikasi dan membina keyakinan diri (Russell, 1975:44). Ia melibatkan bentuk aplikasi pengajaran menampilkan perlepasan perasaan untuk diperlihatkan secara spontan melalui pergerakan tari kreatif.

Tari kreatif adalah sejenis bentuk pengajaran yang dapat membantu proses tumbesaran. Proses ini melibatkan pemikiran mental merencanakan aktiviti yang merangsang daya berfikir, pertumbuhan fizikal dan spiritual. Ini membolehkan individu menghayati serta menghadapi tuntutan-tuntutan hidup dengan berkesan. Bentuk tari kreatif merujuk kepada ekspresi mental dan jasmani yang dilakukan secara jujur dan spontan. Apa yang dipersembahkan oleh penari itu bukan bertujuan untuk menarik perhatian atau mencetuskan rasa dan emosi, tetapi ialah untuk mencurahkan perasaan dalaman yang hadir dalam diri penari itu sendiri. Ia merupakan ekspresi sendiri yang disalurkan melalui aktiviti pergerakan tari kreatif (Salmah Ayob, 1994:45).

Joyce menyatakan bahawa tari kreatif adalah sebuah bentuk yang boleh bertukar dari

segi pengisian, pemahaman dan persepsi membina rangkaian tari kreatif (Joyce, 1980:70). Minton turut berpendapat penekanan yang terkandung pada aktiviti tari kreatif ialah ekspresi diri dalam tari, pembentukan kedudukan tubuh badan yang efisien dan refleksi diri yaitu sebagai saluran kehendak perasaan diangkat sebagai memenuhi lepasan naluri daripada bentuk perbuatan yang ingin dilepaskan menggunakan pergerakan (Minton, 1989:15).

Penciptaan aneka ragam gerak melalui pelbagai bentuk dan aksi dilihat boleh memberikan perkembangan terhadap aspek psikologi, mental dan emosi bagi pengukuhan perasaan dalaman dan jati diri seseorang (Minton, 1989:15). Melalui pengolahan terhadap pengisian pembinaan tari kreatif terbentuk rangsangan keinginan terhadap keperluan mengenali identiti individu. Tari kreatif adalah melihat terdapat pelbagai cara dan kaedah yang boleh digunakan bagi beberapa tujuan perlaksanaannya mengikut kaedah tertentu.

Tari kreatif dapat dibincangkan melalui pelbagai aspek dan pemahaman. Hasil daripada definisi tersebut penulis mendapati tari kreatif mempunyai banyak cabang penggunaannya. Dari sudut istilah, tari kreatif adalah sebuah bentuk eksplorasi, meninjau, serta membentuk mengikut kehendak naluri yang ingin disampaikan. Komponen seperti ruang, masa dan daya merupakan laluan membina unsur pergerakan tari menjadi nadi estetika penciptaan yang terbentuk pada rasa yang ingin dipersembahkan.

Kesemuanya adalah proses mencari identiti yaitu kehendak gerak mahupun bagi mencapai tahap potensi diri setiap individu. Hal ini merupakan pembinaan pengisian yang ingin dibina melalui tari kreatif adalah berdasarkan rangsangan persekitaran serta aktiviti pengajaran mengikut teknik dan kaedah yang bersesuaian. Namun begitu, walaupun definisi tari kreatif mempunyai pelbagai terma mengikut objektif yang mahu diketengahkan. Reka bentuk sebuah modul yang berteraskan tari kreatif mempunyai penekanan terhadap matlamat pada setiap aktiviti yang dibina. Corak yang pelbagai mengikut kaedah dan teori pengaplikasian seharusnya mempunyai ciri membangunkan sahsiah, disiplin, kemahiran

serta imaginasi kreatif bagi menguatkan rangsangan pembentukan pengajaran yang berlandaskan penggunaan modul ini. Dari aspek yang lain, penulis melihat implementasi tari kreatif perlu mencapai objektif dari pelbagai sudut dan skop yang ingin dikhhususkan.

Pembinaan modul pengajaran tari kreatif perlu mempunyai matlamat pengajaran tersendiri. Seharusnya mempunyai skop perancangan mengikut kehendak pencapaian objektif tertentu. Penulis berpendapat pembinaan sesebuah modul itu dibina melalui 4 komponen seperti:

- 1) **Objektif** – merujuk kepada apakah matlamat yang ingin dicapai melalui aktiviti yang dijalankan contoh tumpuan terhadap pembentukan kedudukan tubuh badan yang efisien.
- 2) **Pengisian** – keperluan terhadap kefahaman dari aspek mental contoh pengenalan terhadap sistem anatomi tubuh badan.
- 3) **Bentuk tari kreatif** – merujuk kepada elemen yang terkandung dalam tari kreatif yaitu (tubuh, ruang, masa dan daya).
- 4) **Keputusan** – tumpuan untuk melihat matlamat dan proses yang dibina sama ada tercapai atau sebaliknya. Melalui proses kaedah pengajaran seperti ini ia dapat melihat organisasi struktur kepada pembangunan tari kreatif secara efektif serta memberikan keputusan berdasarkan proses yang dijalankan.

Di sekolah pelajar-pelajar perlu ditekankan kepentingan mengenali identiti diri sebagai simulasi untuk perkembangan kematangan fikiran. Tuntutan ini sangat berguna memenuhi pertumbuhan akal menjadi pelajar yang aktif. Melalui konsep pengajaran tari kreatif, ia mengetengahkan idea-idea penjelajahan idea kreatif, pencapaian berkomunikasi dan mengekspresikan pembangunan diri. Hal ini merupakan perkembangan berguna yang mampu meningkatkan kecerdasan diri dan membina identiti diri yang dinamik.

Kesimpulan

Umumnya pengajaran tari kreatif adalah belajar untuk bergerak dan bergerak untuk

belajar melalui pengalaman olahan aneka gerak kreatif. Selain itu, sebagai agen pendidikan mendorong kegiatan-kegiatan penerokaan, proses-proses berfikir dan penyelesaian masalah serta pembentukan konsep pembelajaran yang merangsang pembinaan keyakinan diri dan pengukuhan imej sendiri yang kukuh. Ia bersifat saluran dalam menyatakan interpretasi sebuah perilaku dibina melalui pergerakan. Penekanan terhadap aspek-aspek intelek, emosi dan spiritual ditujukan pada lapangan yang melibatkan aktiviti pelbagai dengan menggunakan tubuh badan sebagai alat pembinaan mencipta ruang tari kreatif. Pengalaman penciptaan rangkaian pergerakan itu dianggap pengukuhan dinamik membentuk fleksibiliti dalam mempelajari cara-cara mengawal pergerakan, mempertingkatkan keupayaan kapasiti pergerakan dan menggunakan anggota tubuh serta minda bagi mencapai tahap pergerakan yang bersifat seni kreatif.

Melalui objektif pengajaran tari kreatif dapat dicapai dan dibentuk melalui tiga proses pembentukan: Psikomotor, Kognitif dan Afektif.

- 1) **Psikomotor**: Merujuk kepada proses mengaplikasi, mendemonstrasikan pada fasa permulaan, pertengahan bagi memenuhi setiap pencapaian aktiviti pergerakan yang diikuti.
- 2) **Kognitif**: Mengenal pasti struktur pergerakan, (menterjemah) guru memberikan arahan dan pelajar mengikut arahan tersebut. Seterusnya berkongsi kepada rakan-rakan tentang pengalaman pergerakan yang telah dibina
- 3) **Afektif**: Setelah mendemonstrasikan pergerakan secara bersendirian pada peringkat psikomotor, tumpuan terhadap menunjukkan pergerakan di depan khalayak membawa perubahan di mana dapat mempertingkatkan keyakinan diri.

Tiga proses pengajaran tari kreatif itu berlangsung pada ruang persekitaran yang membina pengalaman, keyakinan serta penyuburan daya imaginasi diri. Pengalaman fizikal dilihat dari aspek psikomotor dilakukan gaya bentuk spontan, estetik hasil dari penjelmaan perasaan melalui idea yang ingin dibina menjadikan landasan menjana

rangsangan pemikiran. Bentuk pergerakan kreatif tercipta dari aspek kognitif dan afektif adalah melalui penjelmaan keterlibatan deria memenuhi kualitas ruang, ritma dan pergerakan dinamik.

Pendedahan ini merupakan peningkatan pengalaman terhadap perkembangan pemikiran yang kreatif. Menurut Salmah Ayob kaedah pengajaran dan pembelajaran yang membantu dalam melahirkan perasaan dalaman, integrasi motor dengan kognitif, meninjau hubungan antara personaliti dengan pergerakan dan meneroka batas-batas tradisi menjadikan ciri-ciri proses pengajaran tari kreatif terhasil (Salmah Ayob, 1994:44). Matlamat pengajaran tari kreatif adalah untuk membangunkan potensi pergerakan pada diri individu sebagai wahana memberikan rangsangan terhadap fizikal dan mental. Keragaman pendedahan yang boleh direka bentuk melalui pengajaran yang bercorak meneroka keupayaan mentafsir pergerakan, membina kepuasan, keseronokan, merasai penghargaan, menghayati penstrukturan pergerakan menjadi nadi dalam meningkatkan kesedaran dan jati diri pelajar untuk menghayati pengajaran tari kreatif dalam proses pengajaran di sekolah.

Kepustakaan

- Bartenieff, I. 1962. *Effort Observation and Effort Assessment*. New York: Arno Press.
- Broer, M. 1964. *Movement Education: Where in the Disagreement*. Boston: Plays, Inc.
- Cohen, Selma Jean. 1992. *Dance as a Theatre Art: Source Readings in Dance History 1581 to the Present*. Princeton, N. J: Priceton Book Company.
- Dewey, J. 1962. *Individualism Old and New*, New York: Capricorn Books.
- Exiner. 1974. *Teaching Creative Movement*. Boston: Plays, Inc.
- Fleming, Gladys Andrews. 1976. *Creative Rhythmic Movement*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.
- Gilbert, A. 1992. *Creative Dance For All Ages*. Reston, VA: America Alliance for Health, Physical Education, Receration and Dance/National Dance Association.
- H'Doubler, Margaret. 1946. *Movement and its Rhythmic Structure*. Madison: Kramer Business Service.
- Hardono. 1996. *Jatidiri Manusia Berdasar Filsafat Organisme A. N. Whitehead*. Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- Heberman, M. 1970. *Dance – An Art In Academic*. New York: Teacher's College Press.
- Hume, D. 1975. *Enquiries Concerning Human Understanding and Concerning The Principles of Morals*. Oxford: Claredon Press.
- Joyce, Bruce & Weil, Marsha. 1980. *Models of Teaching*. New York: Prentice-Hall, Inc.
- Joyce, Mary. 1973. *First Step In Teaching Creative Dance*. California: National Press Book.
- Julius, A. 1978. *Focus On Movement: Practise and Theory*. Palo Alto, Ca.: Mayfield Pub. Co.
- Kaufman, Karen A. 2006. *Inclusive Creative Movement and Dance*. USA: Human Kinetics.
- Kollen, P. 1981. *The History of Dance*. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall, Inc.
- Kraus, Richard G. 1981. *History of the Dance in Art and Education*. USA: Pearson Education Company.
- Laban, Rudolf. 1975. *Modern Educational Dance*. (3rd ed.) London, England: Macdonald & Evans Ltd.
- Lloyd, L. Marcia. 1998. *Adventure in Creative Movement Activities: A Guide For Teaching*. USA: Eddie Bowers Publishing.

- McCall, R. and D. H. Craft. 2000. *Moving with a purpose*. Champaign, IL: Human Kinetics.
- Minton, Sandra Cerny. 1989. *Body and Self, Partner in Movement*. Champaign, Ill.,: Human Kinetics Books.
- Russell, Joan. 1975. *Creative Dance in the Primary School*. United Kingdom: Northcote House Publishers.
- Salmah Ayob. 1994. *Pergerakan Kreatif dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Flo Enterprise.